

Tanggungjawab Selamat, kurang nahas jadi tumpuan

KUALA LUMPUR: Aspek tanggungjawab selamat oleh penunggang motosikal serta mengurangkan kadar kemalangan maut membabitkan kelompok itu, menjadi tumpuan kerajaan sepanjang Kempen Keselamatan Jalan Raya 2018.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata langkah ini diambil berikutan statistik kematian membabitkan penunggang motosikal terus merekodkan peningkatan setiap tahun.

Beliau berkata, perlu ada usaha lebih serius oleh pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan serta masyarakat bagi meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan menunggang motosikal, bukan saja kepada kenderaan tapi penunggangnya.

"Tahun ini memang fokus kempen kita adalah kesedaran dalam kalangan motosikal kerana berdasarkan statistik kemalangan maut 2016, sebanyak 62 peratus daripadanya membabitkan motosikal. "Kita tidak boleh ambil ringan isu kemalangan jalan raya, sebab itu disarankan semua agensi kerajaan menubuhkan unit keselamatan jalan raya supaya mereka boleh ingatkan satu sama lain dan bantu rakyat adakan kempen kesedaran," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya 2018, di sini, semalam.

Statistik pada 2016 menunjukkan, seramai 7,152 kemalangan maut direkodkan. Daripada jumlah itu, 4,082 yang maut dari kalangan penunggang motosikal. Rekod itu menunjukkan peningkatan setiap tahun termasuk tahun lalu.

Tiong Lai berkata, pihaknya juga mahu semua pihak menanamkan sikap positif dalam kalangan penunggang motosikal, untuk meningkatkan sifat saling bertolak-ansur dan hormat-menghormati.

Katanya, kementeriannya juga akan melancarkan Ops Bersepadu dan Ops Selamat bermula 9 Februari hingga 23 Februari ini di seluruh negara, bersempena Tahun Baharu Cina.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, kementeriannya sedia meneliti secara serius cadangan tidak membenarkan remaja memiliki Lesen Kelas B (motosikal berkuasa lebih 1,000cc) jika terbukti mereka banyak terbabit dalam kemalangan motosikal kuasa tinggi.

"Saya rasa ini cadangan baik. Ketika ini, kita ada lesen Kelas B2 (motosikal sehingga 250cc) yang boleh dimiliki remaja berusia 16 tahun. "Ketika ini memang tiada tindakan lagi, sebab kita dapati mereka yang berusia 16 tahun tidak ramai menunggang motosikal berkuasa tinggi.

"Kalau statistik menunjukkan jumlahnya meningkat, cadangan ini memang kita ambil serius tapi belum ada keputusan setakat ini. Kena lihat cadangan dulu dan kajian akan dibuat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya.